



## KENYATAAN MEDIA

### KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

#### **HARI KELEPASAN AM SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN RASMI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI- PERTUAN AGONG XV BAGI TAHUN 2017**

Putrajaya, 18 Julai 2017 - Kerajaan Persekutuan telah mengisytiharkan bahawa hari Sabtu, 9 September 2017 sebagai Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V bagi tahun 2017 yang dipinda daripada hari Sabtu, 29 Julai 2017.

Ulang Tahun Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV ini adalah termaktub sebagai hari kelepasan am berbayar yang wajib diberi kepada pekerja di seluruh negara. Ini termaktub dalam seksyen 60D(1)(a) Akta Kerja 1955, seksyen 103(1)(a) Ordinan Buruh (Sabah Bab 67); dan seksyen 104(1)(a) Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76).

Justeru, sekiranya Ulang Tahun Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV ini jatuh pada hari cuti rehat, maka hari bekerja berikutnya hendaklah menjadi hari kelepasan am berbayar sebagai ganti bagi hari kelepasan am tersebut. Bagi pekerja yang mempunyai cuti rehat lebih daripada sehari, hari terakhir bagi cuti rehat tersebut merupakan "cuti rehat" bagi maksud ini.

Bagi Negeri Sarawak yang telah mengisytiharkan hari Sabtu, 9 September 2017 sebagai Hari Jadi Yang di-Pertua Negeri Sarawak, tiada hari kelepasan am berbayar tambahan diberi sebagai cuti gantian.

Ketidakpatuhan kepada undang-undang ini merupakan satu kesalahan dan jika disabitkan, majikan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 (sepuluh ribu ringgit) menurut seksyen 99A Akta Kerja 1955; Seksyen 130M Ordinan Buruh (Sabah Bab 67); dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76).

**YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem  
Menteri Sumber Manusia**

**Dikeluarkan oleh:  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Sumber Manusia  
18 Julai 2017**

**###**